

# SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA PUSAT ZAKAT NEGERI SEMBILAN

**Seremban, Negeri Sembilan, 15 April 2013** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) berjumlah RM1,588,312.52.

Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir telah menerima zakat tersebut bagi pihak Pusat Zakat Negeri Sembilan yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Istana Higgap Seremban, Negeri Sembilan.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Sembilan bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 6% berbanding RM1,493,055.94 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), YB. Dato' Haji Razak bin Mansor,

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PZNS, Sahibul Samahah Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Ahli Lembaga Pengarah PZNS, YBhg. Dato' Johani bin Hasan, Pengarah JHEAINS, merangkap Ahli Lembaga Pengarah PZNS, Encik kamal Amran bin Kamarudin, Setiausaha MAINS merangkap Ahli Lembaga Pengarah PZNS, YBrs. Ustaz Nor Azmi bin Haji Musa, Pengurus Besar PZNS serta para pegawai TH.

- Tamat -

---